

TINTA

SePMA

Pendidikan Teras Bangsa Diperkasa

PENDIDIKAN KUNCI PEMBANGUNAN BANGSA

KANGAR- Ucaptama kedua disampaikan oleh Gabenor Provinsi Riau yang juga Naib Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Datuk HM Rusli Zainal yang menyifatkan pendidikan sebagai proses yang mampu mengenalpasti potensi jadi asas bagi kemajuan pembangunan segala sektor manusia untuk mengembangkan daya kognitif, efektif dan psikomotorik.



Datuk HM Rusli Zainal

Selain itu, beliau bertegas bahawa bangsa maju dan unggul harus mempunyai pendidikan yang baik kerana mampu membentuk keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa di masa akan datang.

"Pandangan masyarakat tentang pendidikan yang menggai proses yang mampu mengenalpasti potensi jadi asas bagi kemajuan pembangunan segala sektor manusia untuk mengembangkan daya kognitif, masih belum seragam.

"Pembangunan sektor pendidikan merupakan prasyarat atau kunci bagi pertumbuhan sektor-sektor lainnya," katanya lagi

Hari pertama SePMA 2010 dihadiri seramai 200 peserta dimana dua kertas kerja dibentangkan oleh Prof. Dr. Nana Saudih Sukmadinata dari Indonesia dan Prof Madya Dr. Nuraini Yusoff dari Universiti Utara Malaysia (UUM) yang masing-masing bertajuk "Prestasi Pendidikan Melayu Masa Kini dari Perspektif Global" dan "Pembangunan Modal Insan : Siapakah yang Memerlukan Ruyungnya"

HAPUSKAN TANGGAPAN MELAYU MALAS

KANGAR 30 Mac -- "Hapuskan tanggapan orang yang mengatakan Melayu malas, lambat dan tiada inisiatif", begitulah kata Mohd Noor Mohd Said yang menjadi Pembentang Kertas Utama yang ke Dua sempena Seminar Pemikiran Melayu Antarabangsa (SePMA) 2010 di Dewan Capitol, di sini hari ini.


Kata Pengurus Pembangunan Sumber Manusia Jamiyah Singapura itu lagi, perkara itu adalah "stereotaip" yang dikatakan oleh pihak tertentu untuk melemahkan Melayu padahal yang sebenarnya melayu tidak malas, kerana ianya dibuktikan oleh datuk dan nenek moyang kita di masa dahulu yang rajin bekerja.

"Perkara ini haruslah menjadi perangsang kepada orang Melayu untuk meningkatkan lagi keupayaan dari terus dibelenggu rasa rendah diri dan perlu berani untuk mencuba sesuatu yang baru", katanya lagi.

Menurutnya lagi, bidang yang perlu terus diteroka oleh bangsa melayu untuk maju dan berdaya saing di peringkat antarabangsa adalah Sains Baka, Sains Kaji Hayat, Teknologi Pertahanan, Perkembangan Kecekapan, Kajian dan Pembangunan, Perubatan, Teknologi Penghi-



Mohd Noor Mohd Said



Peserta memberi pendapat

Makan Malam SePMA

MALAYSIA HUB PENDIDIKAN DUNIA ISLAM

KANGAR, 29 Mac – Raja Muda Perlis merangkap Tuanku Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dalam titahnya mencadangkan agar Malaysia dijadikan sebuah hub pendidikan kepada dunia Islam.

Baginda berharap kajian kemungkinan ke arah itu dilakukan termasuk oleh DMDI dan yakin hasrat itu dapat direalisasikan jika semua pihak mempunyai strategi jelas dan tepat di samping modal intelektual yang berdedikasi serta komited.

Baginda bertitah demikian ketika berangkat hadir ke Majlis Makan Malam Sepma di Dewan 2020, semalam.

Turut berangkat hadir Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah yang juga Pro Canselor UniMAP, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu, Presiden Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI), Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang juga Ketua Menteri Melaka dan Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin

Baginda turut menyarankan agar organisasi seperti DMDI menjana rangkaian atau jaringan efektif untuk membantu masyarakat Islam antarabangsa dalam meningkatkan ekonomi khususnya dalam bidang pendidikan dan perdagangan



SEKRETARIAT DMDI DITUBUHKAN DI PERLIS

KANGAR, 30 Mac – Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) telah melebarkan sayapnya ke negeri Perlis dalam usaha menambah keanggotaan dan mengukuhkan kedudukannya

Melalui DMDI secara tidak langsung dapat mengangkat martabat umat Melayu Islam ke tahap yang cukup cemerlang dan unggul selain mampu menjadikan umat Islam kembali ke zaman kegembilan dengan pendekatan paling berkesan melalui pembangunan ekonomi dan pendidikan

Seramai 16 orang telah dilantik sebagai Sekretariat DMDI di Perlis dengan di pengurusan oleh Menteri Besar Perlis, Dato Seri Dr Md Isa Sabu, dan Dato' Mohamad Zabidi Zainal, Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Timbalannya.

Turut tersenarai dalam Sekretariat DMDI adalah Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Perlis, Encik Mansor Lat.

Pelancaran Sekretariat DMDI ini telah disempurnakan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.



Selain itu, baginda bertitah dari aspek pendidikan merupakan satu kaedah berkesan bagi mencapai matlamat itu kerana pendidikan tidak bergantung kepada prasarana semata-mata tetapi boleh disam-

Media PNC: Suhana Abdul Mutalib, Nurul Shafinaz Ismail, Mohd Basri Basir, Nurul Aida Othman, Noor Fazemil Naim, Jurugambar UniMAP